



## KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

*Ministry of Agriculture and Food Industries*

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : [www.mafi.gov.my](http://www.mafi.gov.my)

### KENYATAAN MEDIA

#### PELONGGARAN SEKATAN EKSPORT AYAM HIDUP PEDAGING (*LIVE COMMERCIAL BROILERS*) SECARA BERFASA BERKUATKUASA 11 OKTOBER 2022

**PUTRAJAYA, 10 OKTOBER 2022:** Jemaah Menteri telah bersetuju supaya sekatan eksport ayam hidup pedaging (*live commercial broilers*) dilonggarkan secara berfasa dan dimulai sebanyak 50% atau 1.8 juta ekor ayam sebulan daripada jumlah keseluruhan sekatan eksport ayam sebanyak 3.6 juta ekor ayam sebulan.

Selaras dengan itu, Kerajaan akan **membenarkan semula aktiviti mengeksport ayam hidup pedaging berkuatkuasa pada 11 Oktober 2022.**

Keputusan ini diambil berikutan bekalan ayam di pasaran tempatan yang mulai stabil pada suku tahun ketiga dengan kadar purata lebihan pengeluaran 1.8 juta ekor sebulan.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan (MAQIS) akan terus memantau dengan rapat keadaan bekalan ayam dalam negara serta pelaksanaan pengeksportan ayam hidup pedaging yang akan melibatkan hampir 100 ladang pengeksport melalui mekanisme pemantauan yang telah dibangunkan.

Setiap ladang tersebut telah diberikan had kuantiti eksport berdasarkan data perancangan yang dikemukakan serta berlandaskan unjuran pengeluaran ayam bulanan yang perlu dipatuhi. Sekiranya didapati berlaku sebarang ketidakpatuhan terhadap arahan yang telah diberikan, kebenaran eksport ladang terlibat akan digantung.

Ladang-ladang pengeksport juga tidak dibenarkan untuk menuntut subsidi untuk pengeluaran ayam bagi pasaran eksport. Pemberian subsidi adalah khusus bagi memastikan ketersediaan dan kelangsungan bekalan ayam tempatan pada harga yang berpatutan untuk rakyat Malaysia.

Pada masa yang sama, larangan eksport untuk ayam bulat, keratan ayam dan anak ayam *Day Old Chick* (DOC) umur sehari ayam pedaging masih kekal berkuatkuasa. Kawalan secara fizikal di semua pintu keluar akan terus dilaksanakan oleh MAQIS.

Keputusan bagi membenarkan semula eksport komoditi ayam sepenuhnya akan dibuat tertakluk kepada kedudukan bekalan ayam di pasaran tempatan serta pengeluaran di peringkat ladang. Larangan eksport komoditi ayam yang dibuat Kerajaan bermula 1 Jun 2022 adalah bersifat sementara untuk menjamin ketersediaan bekalan ayam dalam pasaran tempatan.

Kerajaan terus komited memastikan kelangsungan pengeluaran ayam negara berada pada tahap yang optimum, di samping mengekalkan segmen pasaran antarabangsa. Adalah menjadi fokus utama Kerajaan untuk menjaga kelestarian industri ayam agar kekal mampan dan kukuh ke arah memastikan sekuriti makanan negara terjamin demi kesejahteraan Keluarga Malaysia.

**DATUK SERI DR RONALD KIANDEE**  
**MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**  
**10 OKTOBER 2022**